

**Berbahas ke arah keuntungan parti – Muhyiddin  
Utusan Online  
27 November, 2012**

KUALA LUMPUR 27 Nov. - Tan Sri Muhyiddin Yassin mengingatkan segala perbincangan dan perbahasan dalam Perhimpunan Agung UMNO 2012 yang bermula hari ini perlu membawa keuntungan politik kepada parti dalam menghadapi Pilihan Raya Umum Ke-13.

Timbalan Presiden UMNO itu berkata, perhimpunan kali ini merupakan gelanggang terpenting bagi memperlihatkan kepada rakyat UMNO adalah sebuah parti terkukuh dan telah mengalami perubahan untuk terus memperjuangkan nasib bangsa, agama dan negara.

Tambah beliau, jangkakan masyarakat dari dalam negara dan di peringkat antarabangsa terhadap ahli UMNO begitu tinggi kerana parti itu merupakan teras dalam Barisan Nasional (BN) yang mentadbir negara.

Kita mesti menentukan berbicara dengan rasional, berfakta, berhemah dan tepat. Kita harus tahu setiap apa yang diungkapkan harus memberikan keuntungan politik kepada kita, bukan mengurangkan undi," katanya dalam sesi taklimat kepada jurucakap usul Perhimpunan Agung 2012 di sini hari ini. - UTUSAN

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source: [http://www.utusan.com.my/utusan/Politik/20121127/po\\_12/Berbahas-ke-arah-keuntungan-parti---Muhyiddin](http://www.utusan.com.my/utusan/Politik/20121127/po_12/Berbahas-ke-arah-keuntungan-parti---Muhyiddin)